

# BAB 4 : TADBIR URUS

Penerangan berkenaan aspek pemantauan dan penilaian OACP. Pemantauan dan penilaian adalah penting untuk memastikan kemajuan pelaksanaan OACP dan mengenalpasti isu dan cabaran pelaksanaan OACP.

# PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH PDT KUANTAN

4 prinsip tadbir urus OACP PDT Kuantan adalah seperti berikut:

## KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

Pengurusan atasan PDT Kuantan hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan warga PDT Kuantan memahami dan menghayati dasar integriti, governans dan antirasuah pentadbiran ini.

Pengurusan atasan haruslah menjadi contoh kepada warga PDT Kuantan dalam pembudayaan integriti dan antirasuah di dalam organisasi.

## PENILAIAN RISIKO RASUAH

Menentukan risiko rasuah dalaman dan luaran secara berkala melalui perbincangan dan mesyuarat.

## PELAKSANAAN INISIATIF

Mewujudkan langkah inisiatif bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam.

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantauan dan penilaian dilaksanakan secara berkala dan sistematik dan pelaporan kepada Pengurusan Tertinggi di peringkat PDT Kuantan dan di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

# MEKANISME PELAKSANAAN & PEMANTAUAN OACP PDT KUANTAN

<p>Pengurusan Tertinggi PDT Kuantan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membuat keputusan berkaitan OACP.</li> <li>▪ Membentangkan pencapaian dan pelaporan OACP PDT Kuantan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Peringkat SUK Pahang.</li> </ul>	<p>Pelaporan kpd Mesyuarat JAR SUK Pahang 2x setahun</p>
<p>Unit Integriti PDT Kuantan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan inisiatif OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa ditetapkan.</li> <li>▪ Mengenalpasti isu dan cabaran pelaksanaan OACP.</li> <li>▪ Menyediakan laporan pelaksanaan inisiatif OACP.</li> </ul>	<p>Pelaporan kpd Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) PDT Kuantan 2x setahun</p>
<p>Bahagian/ Unit</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan inisiatif OACP dilaksanakan dalam tempoh masa ditetapkan.</li> <li>▪ Mengenalpasti isu dan cabaran pelaksanaan inisiatif OACP.</li> </ul>	<p>Pelaporan kpd Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) PDT Kuantan 2x setahun</p>

## MEDIUM PEMANTAUAN

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) SUK Pahang

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan PDT Kuantan

Mesyuarat Bahagian/ Unit